

**Najib Ajak Rakyat Kibar Jalur Gemilang
Bernama
17 Ogos, 2013**

KUALA LUMPUR, 17 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengajak rakyat mengibarkan Jalur Gemilang sempena sambutan ulang tahun ke-56 kemerdekaan negara tidak lama lagi.

Perdana menteri berkata langkah itu bagi menyemarakkan tanda kebanggaan rakyat kepada negara tercinta.

"Saya telah merasmikan kempen kibar Jalur Gemilang peringkat kebangsaan di Sungai Petani, Kedah, semalam.

"Ayuh kibarkan Jalur Gemilang sempena sambutan hari kemerdekaan yang akan tiba tidak lama lagi. Semarakkan tanda kebanggaan kita kepada negara. Malaysiaku berdaulat: tanah tumpahnya darahku," katanya dalam laman sosial Facebook beliau hari ini.

Tema Hari Kemerdekaan pada tahun ini ialah 'Malysiaaku Berdaulat Tanah Tumpahnya Darahku'.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=970703>